

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | FRIM gigih lestarikan khazanah warisan negara | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | STAIL | Circulation | 37,981 |
| Page No | 1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 980 cm ² |
| Journalist | SUZANNE EMPAM | AdValue | RM 3,657 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,971 |



FRIM gigih lestarikan khazanah warisan negara



Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Norini Haron.

FOTO: SUZANNE EMPAM

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan kerjasama 21 organisasi, baru-baru ini menganjurkan Simposium kebangsaan konservasi yang bertemakan 'Melestari Khazanah Warisan Negara'.

Simposium ini diharap dapat menyatukan pelbagai aspek berkaitan warisan pemuliharaan, seterusnya diterjemah dan direalisasikan oleh para ilmuwan dan para praktis serta peminat warisan dalam memberi sumbangan kepada pembangunan dan kelestarian warisan alam sekitar.

Antara lain tujuan utama simposium ini adalah untuk:

- Menggabungkan kepakaran

saintis FRIM dalam penyelidikan hutan tropika dan agensi kerajaan yang lain, termasuk institut pengajian tinggi awam (IPTA) dari pelbagai bidang atau ilmu dalam usaha pemuliharaan khazanah warisan negara yang kelak mungkin menjadi sebahagian daripada sumber bahan rujukan berharga kepada generasi kini dan akan datang.

- Memberi pengetahuan umum tentang kaedah yang sesuai dalam peringkat awal penyelidikan, perancangan dan pengurusan sesebuah tapak warisan semua jadi, perolehan, pemuliharaan dan pemeliharaan yang melibatkan proses rawatan, pencegahan

kerosakan dan membaik pulih, seterusnya perlu direkodkan secara sistematis.

- Memberi pendedahan kaedah untuk menambah nilai sesuatu agar nilai yang sedia ada tidak susut untu satu jangkamasa yang panjang.

KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI SARAWAK MENAKJUBKAN

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Norini Haron, pemilihan lokasi simposium ini di Kuching, Sarawak, adalah bertepatan memandangkan Sarawak merupakan

negeri terbesar di Malaysia, dengan anggaran keluasan kawasannya 12,000 km persegi di Kepulauan Borneo.

"Sarawak mempunyai kepelbagaian biodiversiti tropika yang menakjubkan dan kekayaan sejarah serta budaya etnik negeri Sarawak termasuk hasil khazanah berharga seperti tapak bersejarah dan landskap, bangunan, rumah, artifak, produk, spesimen, kraf tangan dan makanan tradisional yang unik mencerminkan kesejahteraan serta keharmonian sebagai khazanah warisan negara yang sangat berharga," kata beliau semasa merasmikan simposium berkenaan.

Semua ini, tambah beliau, boleh menjadi bahan penyelidikan kepada para penyeli-

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | FRIM gigih lestarian khazanah warisan negara | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | STAIL | Circulation | 37,981 |
| Page No | 1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 980 cm ² |
| Journalist | SUZANNE EMPAM | AdValue | RM 3,657 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,971 |

kan dari dalam dan luar negara selain memperkembang usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menyokong aktiviti ekopelancongan negara ini secara tidak langsung.

Norini berkata, tidak mudah untuk melakukan kerja konservasi yang melibatkan struktur bangunan atau rumah, tapak dan landskap, artifak, produk, spesimen dan sebagainya yang telah dirawat dalam bentuk asal kerana banyak perkara perlu

dititikberatkan, terutama apabila membabitkan penggunaan pelbagai campuran bahan seperti logam, kayu, buluh, rotan, kertas dan sumber lain dari alam semula jadi.

Setiap dari bahan tersebut mempunyai pelbagai masalah berbeza dan persekitaran berbeza, sekali gus menjadi cabaran paling utama mengekalkan keseimbangan setiap bahan dalam sesuatu objek tersebut.

